

## BAB III

### KEMUNCULAN HEGEMONI MELAYU

#### 3.1 Pengenalan

Perbincangan tentang asal usul politik Melayu selalu dikaitkan dengan Kesultanan Melayu Melaka. Hal ini demikian kerana kerajaan Melaka merupakan kemuncak dalam perkembangan politik Melayu pada zaman prapenjajahan. Kekuasaan dan kegemilangan kerajaan ini telah menampilkan pelbagai pengaruh yang berpanjangan kepada masyarakat Melayu. Kepentingan kerajaan ini dapat dilihat dalam ungkapan

*“... it was the Melaka Sultanate which formulated the basis of the Peninsular Malay political culture.” ( Khoo 1991 : 42 ).* Dari kerajaan inilah masyarakat Melayu mewarisi institusi kesultanan yang telah menjadi ciri penting dalam organisasi sosial dan politik Melayu. Oleh sebab raja dan sultan merupakan pemerintah yang berkuasa mutlak dalam masyarakat Melayu tradisional maka institusi kesultanan telah menjadi tonggak kepada kuasa politik orang Melayu.

Inti pati kepada institusi kesultanan terjelma dalam satu bentuk pemerintahan yang berdasarkan hubungan antara seorang pelindung ( raja/sultan ) dan seorang yang dilindungi ( rakyat ). Hubungan ini mewajibkan rakyat memberi kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada raja dan sebagai balasan, raja pula memberi perlindungan kepada rakyat.<sup>1</sup> Amalan dalam hubungan ini begitu berpengaruh sehingga terbentuk satu norma yang menjadi pegangan masyarakat Melayu turun-temurun yang berbunyi

---

<sup>1</sup> Hubungan dua hala ini terus menjelma dalam budaya politik Melayu masa kini, untuk perbincangan lanjut tentang perkara ini, lihat Chandra ( 1979 ).

“pantang anak Melayu menderhaka kepada rajanya” . Walaupun kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1511 membawa kemalapan kepada perkembangan politik Melayu, namun kesultanan sebagai satu institusi politik tidak pernah ditumbangkan. Institusi ini diwarisi oleh kerajaan negeri-negeri Melayu yang muncul lebih kemudian di merata tempat di Semenanjung Tanah Melayu.

Walau bagaimanapun sultan-sultan di negeri Melayu ini tidak mempunyai kekuasaan seperti yang dinikmati oleh kerajaan Melaka. Menurut Roff ( 1980 : 3-6 ) hal ini demikian kerana tanpa pentadbiran berpusat, sultan hanya berkuasa dalam wilayahnya sendiri sementara daerah-daerah lain dalam sesuatu negeri adalah dibawah kuasa pembesar-pembesar daerah. Pembesar-pembesar di peringkat daerah ini menguasai kebanyakan daripada sumber ekonomi yang membolehkan mereka mengukuhkan kedudukan mereka. Oleh itu kebanyakan pembesar ini lebih kaya daripada sultan dan ini menyebabkan mereka boleh dan selalu mengingkari perintah sultan tanpa dikenakan hukuman ( Gullick 1978 : 64 ). Keadaan yang demikian telah menyumbang kepada perebutan kuasa yang sering berlaku di negeri-negeri Melayu.

Tegasnya sistem politik Melayu pada zaman prapenjajahan yang dibincangkan di atas memperlihatkan ciri-ciri feudalisme.<sup>2</sup> Feudalisme dalam politik Melayu telah menyebabkan negeri-negeri Melayu Semenanjung jatuh ke tangan kuasa British dalam abad ke-19 ( Cheah 1991 : 58 ). Ini adalah kerana perebutan kuasa yang sering berlaku antara pembesar dan raja untuk kepentingan masing-masing telah mengheret

---

<sup>2</sup> Untuk perbincangan yang lengkap tentang feudalisme Melayu, lihat Cheah (1991), Ian Syed Hussein ( 1972 : 100-111 ).

negeri-negeri Melayu ke kancah huru-hara dan perang saudara. Dengan ini kuasa British telah mengambil kesempatan ini untuk bercampur tangan di negeri-negeri Melayu yang membawa kepada penjajahan.

Penjajahan British membawa berbagai-bagai kesan dan impak di Tanah Melayu, terutamanya terhadap perkembangan politik Melayu. Pihak British melaksanakan pemerintahan secara tidak langsung melalui Sistem Residen dengan mengekalkan institusi kesultanan dan memerintah atas nama sultan. Bentuk pemerintahan ini sangat unggul kerana pentadbiran dan pemerintahan penjajah ini dalam persepsi politik orang Melayu tidak pernah mengambil alih kekuasaan politik orang Melayu ( Rustam 1983a : 144 ). Pemerintahan yang demikian juga berupaya mengurangkan gerakan antikolonial kerana cara ini tidak mengakibatkan disintegrasi atau penghapusan institusi-institusi politik dan sosial tradisional Melayu. Namun penjajahan British ini yang membawa kepada pengeksplorasi dan penindasan serta ditokok dengan kemasukan orang-orang Cina dan India telah menyebabkan kedudukan orang Melayu terpinggir dan tergugat. Keadaan ini menyumbang kepada kebangkitan nasionalisme Melayu pada tahun 1920-an. Nasionalisme Melayu merupakan nadi perkembangan politik Melayu dan masih memainkan peranannya hingga hari ini.

Penentangan terhadap rancangan penubuhan Malayaan Union oleh orang-orang Melayu pada tahun 1946 merupakan satu titik perubahan penting dalam perkembangan politik Melayu. Gerakan penentangan ini menyaksikan kebangkitan nasionalisme Melayu mencapai kemuncaknya dengan kelahiran UMNO yang bertujuan

memperjuangkan hak dan kepentingan orang Melayu. Kejayaan UMNO dalam menggagalkan Malayan Union menyebabkan parti itu mendapat sokongan kuat orang-orang Melayu. Apa yang lebih penting lagi dengan perkembangan ini ialah UMNO mula mengambil alih peranan sultan sebagai pelindung kepentingan Melayu. Kemerdekaan negara kemudiannya memperlihatkan sultan berperanan sebagai raja berperlembagaan yang hanya merupakan lambang kekuasaan politik orang Melayu. Budaya kesetiaan-perlindungan yang diwarisi oleh masyarakat Melayu bagaimanapun masih berterusan tetapi subjek kesetiaan itu telah beralih kepada UMNO. UMNO dengan tunjangan nasionalisme Melayu yang kental telah berjaya berperanan sebagai pelindung dan pada masa yang sama meraih kesetiaan orang Melayu. Oleh itu nasionalisme Melayu yang merupakan unsur terpenting dalam politik Melayu perlu diberi penelitian.

### **3.2 Nasionalisme Melayu Pemangkin Perkembangan Politik Malaysia**

Nasionalisme merupakan satu ideologi politik yang penting dan amat berpengaruh dalam percaturan politik di sesebuah negara. Kepentingannya telah menyebabkan ramai sarjana berminat terhadapnya dan melakukan kajian.<sup>3</sup> Menurut Hans Kohn ( 1967 : 19 ) nasionalisme ialah keadaan minda yang mencetuskan gerak kesedaran anggota sesuatu masyarakat untuk menyumbangkan jasa-jasa melalui aktiviti-aktiviti yang teratur dengan matlamat terakhirnya untuk menegakkan sebuah negara berdaulat. Kohn mengiktiraf negara-bangsa sebagai bentuk organisasi politik yang unggul dan bangsa sebagai punca bagi segala kehidupan budaya yang membina dan punca kesejahteraan ekonomi ( Ibid. : 16 ). Bagi Kohn nasionalisme menuntut

---

<sup>3</sup> Antara kajian yang penting ialah Kedourie (1966), Kohn (1967), dan Smith (1971).

pembinaan negara-bangsa manakala kewujudan negara bangsa pula memperkuuh gerakan nasionalisme.

Elie Kedourie ( 1966 : 73 ) mendefinisikan nasionalisme sebagai satu gerakan kesedaran yang menitikberatkan penentuan nasib sendiri, bangsa, dan negara untuk mencapai kebebasan dan kesejahteraan serta memupuk keperibadian sejati yang timbul oleh adanya tekanan-tekanan sosial, ekonomi, dan pengaruh-pengaruh asing. Manakala Smith ( 1971 : 171 ) pula mentakrifkan nasionalisme sebagai satu gerakan ideologikal untuk pencapaian dan pengekalan pemerintahan sendiri dan kemerdekaan bagi suatu kumpulan anggota masyarakat yang menganggap diri mereka sebagai bangsa.

Penggerak kepada perkembangan nasonalisme ialah kewujudan kesedaran bangsa dan gerakan nasionalisme berkembang dengan rancak apabila sesuatu bangsa itu dicengkam ancaman dari bangsa atau kumpulan etnik yang lain. Akibat gugatan yang demikian kebangkitan nasionalisme sesuatu bangsa berkemungkinan berkembang menjadi etnonasionalisme yang memperjuangkan dominasi/hegemoni sesuatu bangsa terhadap bangsa yang lain.<sup>4</sup> Umpamanya Balasubramaniam ( 1998 : 15 ) berpendapat bahawa “kesedaran bangsalah yang mewujudkan etnisiti dan seterusnya melahirkan pergerakan etnonasionalisme untuk memperjuangkan kepentingan komuniti” . Dalam hal ini para pendukung etnonasionalisme menganggap perjuangan kepentingan

---

<sup>4</sup> Untuk perbincangan yang lebih mendalam tentang etnonasionalisme, lihat umpamanya Connor ( 1994 ) dan Brown ( 2000 ).

komuniti boleh dicapai melalui pembinaan *monocultural state*, di mana budaya, bahasa, dan agama kumpulan bangsa yang lemah ditekan dan dipinggirkan.

Walau bagaimanapun ideologi nasionalisme yang menekankan pembelaan nasib sesuatu bangsa atau negara yang tertindas juga berkait rapat dengan pergerakan antipenjajahan. Di negara-negara Asia Tenggara kemunculan nasionalisme terlihat secara jelas dengan kemasukan kuasa-kuasa Barat terutama pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Di Malaysia kewujudan nasionalisme Melayu merupakan respons terhadap ancaman kepada kemandirian bangsa Melayu natijah daripada cengkaman kuasa British dan imigran-imigran bukan Melayu.<sup>5</sup> Kebangkitan pergerakan ini dikatakan fenomena yang berkembang pada awal abad ke-20. Bibit-bibit pertumbuhan nasionalisme Melayu sudah bercambah pada tahun 1906 dengan kelahiran akhbar *Al-Imam* di Singapura. Akhbar tajaan Syed Sheikh Al-Hadi ini menjadi wadah yang mendukung gerakan Islah (reformasi Islam) di Tanah Melayu.<sup>6</sup>

Pertumbuhan gerakan nasionalisme Melayu di Tanah Melayu merupakan satu proses yang perlahan. Perkembangan permulaannya yang bersifat keagamaan hanya mendapat nafas baru pada tahun 1926. Menurut Soenarno (1960 : 16 & 22) pertumbuhan nasionalisme Melayu mencapai tahap kesedaran politik dengan

<sup>5</sup> Lihat Roff (1980) untuk huraian dan maklumat lengkap tentang perkembangan nasionalisme Melayu di Tanah Melayu.

<sup>6</sup> Gerakan Islah ialah gerakan pemulihan yang berdasarkan ajaran al-Quran dan Hadith yang bertujuan membawa kemajuan kepada umat Islam. Gerakan ini diterajui oleh beberapa orang tokoh yang mendapat pendidikan agama di Timur Tengah, terutamanya di Mesir.

penubuhan Kesatuan Melayu Singapura pada tahun tersebut. Kesedaran ini dicetuskan oleh perkembangan politik di Indonesia yang menyaksikan kegagalan dalam rampasan kuasa oleh pihak komunis dan penubuhan Partai Nasional Indonesia oleh Sukarno. Selain itu kegiatan para pelajar Melayu di Universiti Al-Azhar yang menerbitkan majalah *Seruan al-Azhar* dan *Pilihan Timur* turut memperkasakan pertumbuhan nasionalisme Melayu ( Funston 1980 : 32 ). Pertumbuhan gerakan ini mendapat momentum dengan tertubuhnya parti politik Kesatuan Melayu Muda ( KMM ) pada tahun 1938 oleh Ibrahim Yaakob, seorang pemimpin Melayu yang berpengaruh.

Soenarno ( 1960 ) dalam penelitian mengenai nasionalisme Melayu berpendapat bahawa penubuhan KMM juga menandakan kewujudan dua aliran, iaitu kiri dan kanan dalam perkembangan nasionalisme Melayu. Aliran perkembangan politik yang dimulakan KMM itu sering dianggap sebagai aliran politik kiri Melayu.<sup>7</sup> Pembentukan KMM dengan kepemimpinan dan keanggotaan golongan desa-tani menampilkan perubahan dan cabaran kepada golongan elit aristokrat yang merupakan pemimpin masyarakat Melayu yang sedia ada. Tambahan pula, oleh sebab terdapat persamaan latar belakang sosial para pemimpinnya, maka sebahagian besar gerakan politik Melayu yang diterajui golongan reformis Islam juga merupakan bahagian daripada aliran gerakan nasionalisme kiri ( Rustam 1994 : 17 ). Dari segi pengungkapan fahamannya, gerakan ini mengambil bentuk budaya dan etnik. Hasratnya adalah untuk mendirikan sebuah negara-bangsa Melayu dengan kesatuan etnik dan budaya Melayu sebagai asas simboliknya ( Ibid. : 16 ). Gerakan ini

---

<sup>7</sup> Hanya beberapa orang pengkaji yang pernah meneliti aliran politik Melayu ini, lihat umpamanya Firdaus (1985) dan Rustam (1975).

mempunyai visi politik yang jelas, iaitu membebaskan Tanah Melayu daripada penjajah dan bergabung dengan Indonesia untuk mewujudkan Melayu Raya atau Indonesia Raya.

Sementara itu aliran gerakan nasionalisme Melayu yang “kanan” pula mempunyai ciri-ciri yang berlainan. Aliran itu diperjuangkan oleh golongan elit aristokrat Melayu tradisional. Sebagai golongan yang mempunyai pengalaman dalam pentadbiran kolonial, mereka selalu diberi kepercayaan untuk memimpin pertubuhan dan organisasi politik yang wujud terutamanya pada tahun 1930-an ( Rustam, 1983b : 10 ). Dalam menerajui organisasi-organisasi tersebut mereka bukan sahaja tidak dapat mengungkapkan cita-cita negara-bangsa malah sebahagian besar artikulasi politiknya ditumpukan kepada usaha mempertahankan kesinambungan kuasa pemerintahan negeri-negeri Melayu tradisional dan pentadbiran kolonial (Roff 1980 : 240-241 ; Rustam 1994 : 16).

Kedua-dua aliran gerakan nasionalisme Melayu yang agak berbeza dari segi aliran perjuangannya itu turut menanggung akibat yang berlainan dalam suasana politik Tanah Melayu yang semakin bergolak. Aliran gerakan pertama yang ditunjangi oleh KMM semakin memperlihatkan keradikalannya dalam memperjuangkan politik telah membahayakan kedudukan dan pemerintahan British. Natijahnya pada tahun 1940 pihak British bertindak dengan menangkap lebih kurang 150 orang anggota dan penyokong KMM ( Khong 1984 : 183 ; Firdaus 1985 : 67 ). Tindakan British yang keras untuk menekan dan menghapuskan aliran kiri itu menyebabkan gerakan itu mengalami kejumudan dan kemalapan dalam perkembangannya. Manakala aliran

kedua yang berakar umbi dari kekuasaan politik Melayu tradisional yang dibayangi oleh kerangka pentadbiran British terus dipertahankan. Keadaan ini telah memberi ruang kepada aliran itu berkembang dan kemudiannya membentuk jalur dominan dalam politik orang Melayu.

Aliran kedua itu menanjak ke pentas kuasa apabila tercetusnya penentangan orang Melayu terhadap rancangan Malayan Union. Aliran ini dari segi organisasinya terjelma kemudiannya sebagai UMNO yang merupakan hasil daripada penggembangan tenaga-tenaga politik Melayu dalam usaha menolak Malayan Union ( Rustam 1994 : 18 ). UMNO kemudiannya menjadi kuasa Melayu yang terpenting dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Para pemimpin UMNO yang kebanyakannya merupakan elit aristokrat yang pernah berkhidmat dalam pentadbiran kolonial berjaya memperoleh kepercayaan pihak British untuk menerima kuasa pemerintahan British di Tanah Melayu. Hal ini demikian kerana British berpendapat bahawa golongan inilah yang mampu melindungi kepentingan mereka di Tanah Melayu apabila negara ini mencapai kemerdekaan. Selain itu kesediaan UMNO untuk bekerjasama dan berkompromi dengan MCA dan MIC dalam Perikatan turut menyumbang kepada penerimaan UMNO oleh kuasa British.

Dari segi pernyataan ideologi nasionalismenya, aliran kedua yang telah menjadi dominan dalam politik Malaysia bagaimanapun tidaklah bertolak dari satu gagasan negara-bangsa Melayu yang jelas ( Rustam 1983b : 12 ). Namun aliran ini dengan naungan UMNO secara relatifnya semakin mendapat sokongan orang Melayu khasnya dan rakyat bukan Melayu amnya. Walupun terdapat kekaburan dalam

ideologinya, nasionalisme Melayu dukungan UMNO sudah menjadi nadi perkembangan politik Melayu dan mewarnai percaturan politik negara ini. Gerakan nasionalisme Melayu ini terus berkembang dan menjelma dalam darjah yang berbeza di tangan pemimpin-pemimpin UMNO yang bersilih ganti. *Perkembangan dan manifestasinya dalam percaturan politik Malaysia akan dibincang dalam topik kecil seterusnya.*

### **3.3 Evolusi Kekuasaan Politik Melayu : Dari Dominasi ke Hegemoni**

#### **3.3.1 Dominasi Politik Melayu Menjelang Kemerdekaan**

Rancangan Malayan Union yang diperkenalkan oleh pihak British pada tahun 1946 telah mencetuskan kesedaran politik yang membara dan menyeluruh di kalangan orang Melayu. Kejayaan dalam penentangan rancangan tersebut memperlihatkan perkembangan nasionalisme politik orang Melayu mencapai kemuncaknya. Kejayaan ini kemudiannya merintis jalan kepada usaha pemantapan kuasa politik orang Melayu. Di samping itu golongan bukan Melayu mulai mengambil berat terhadap senario dan perkembangan politik di Tanah Melayu serta menuntut hak mereka di negara ini. Keadaan demikian telah membawa kepada pertembungan dan pertelagahan dari segi perlembagaan antara kedua-dua golongan itu untuk mendapatkan kekuasaan ataupun perlindungan hak ( Ratnam 1965 : 43 ).

Setelah gagal melaksanakan Malayan Union penajah British terpaksa akur kepada tuntutan-tuntutan orang Melayu untuk mengekalkan kedaulatan raja Melayu yang menjadi lambang kekuasaan politik orang Melayu. Pihak British menggantikan

rancangan tersebut dengan Persekutuan Tanah Melayu.<sup>8</sup> Apabila perlembagaan baru yang terkandung dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dikuatkuasakan pada 1 Februari 1948, orang Melayu dikatakan telah memenangi babak pertama dalam perjuangan menegakkan kekuasaan melalui perlembagaan. Ini adalah kerana perjanjian itu menjamin kedaulatan kuasa politik dan kedudukan istimewa orang Melayu serta memperketat syarat pemberian kerakyatan kepada golongan bukan Melayu.

Kejayaan orang Melayu yang didukung oleh UMNO untuk mendapatkan dominasi politik pada tahun 1948 mempunyai kesan yang begitu mendalam terhadap perkembangan politik di Tanah Melayu. Wang Gungwu ( 1981 ) berpendapat kejayaan elit Melayu yang memperoleh kekuasaan politik dari segi perlembagaan ini telah berada di suatu kedudukan yang begitu sukar dicabar oleh golongan bukan Melayu. Malah ada pendapat yang mengatakan bahawa unsur-unsur asas kepada “racial bargain”<sup>9</sup> sebenarnya sudah ditentukan pada tahun 1946-1948 dan bukannya tahun 1957 ( Cham 1977 : 210 ). Manakala pemberian kerakyatan yang ketat dalam perlembagaan persekutuan itu memaksa Tan Cheng Lock menghabiskan 10 tahun untuk memperjuangkan kerakyatan berdasarkan prinsip *jus soli* untuk orang Cina ( Heng 1988 : 47 ). Dalam keadaan inilah maka tidak hairan Ratnam ( 1965 : 54 ) membuat kesimpulan bahawa perlembagaan baru itu bertujuan menuju sebuah negara Melayu.

---

<sup>8</sup> Untuk maklumat penubuhan Persekutuan Tanah Melayu, lihat perbincangan dalam Bab II.

<sup>9</sup> “Racial bargain” ini merujuk rundingan dan persetujuan yang dicapai antara para elit UMNO dan MCA menjelang kemerdekaan. Persetujuan telah dicapai untuk memberi kekuasaan politik dan hak istimewa kepada orang Melayu. Manakala orang Cina pula memperoleh kebebasan untuk menjalankan kegiatan ekonomi dan kebudayaan serta hak kerakyatan. Persetujuan ini telah dimanifestasikan dalam Perlembagaan Kemerdekaan 1957, lihat umpamanya Cham (1977) dan Mauzy (1983 : 20-22).

Perjuangan orang Melayu menegakkan kekuasaan politik melalui perlombagaan berpunca daripada kebimbangan mereka terhadap penguasaan bidang ekonomi oleh orang Cina pada tahun 40-an. Tambahan pula bilangan orang bukan Melayu yang melebihi bilangan orang Melayu pada tahun 1941 ( Ooi 1963 : 121 ; Purcell 1960 : 10 ) telah dipersepsikan sebagai satu ancaman kepada kedudukan orang Melayu. Oleh itu tuntutan orang Melayu untuk mendapatkan hak istimewa dalam perlombagaan merupakan respons kepada kebimbangan tersebut. Respons yang demikian sebenarnya bertitik tolak daripada perkembangan nasionalisme politik Melayu yang semakin memuncak pada waktu itu ( Ho 1988 : 40 ).

Walaupun Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah menjamin kedaulatan politik dan hak istimewa orang Melayu namun kebimbangan ini tidak lups begitu sahaja. Malah kebimbangan ini terus mencengkam orang Melayu. Hal ini demikian kerana dengan perjanjian tersebut Tanah Melayu sudah berada di landasan menuju kemerdekaan tetapi banyak orang Melayu mengkhawatir tanpa perlindungan pihak British dan persediaan orang Melayu yang cukup, pemerintahan Tanah Melayu akan diambil oleh orang bukan Melayu ( Vasil 1980 : 30 ). Keadaan ini memperkasakan persaingan dalam perkembangan nasionalisme keetnikan yang sedia wujud pada waktu itu.

Persaingan keetnikan yang wujud antara kaum Melayu dan Cina terus berlaku walaupun Perikatan ditubuhkan. Kelahiran pakatan UMNO-MCA pada tahun 1952

sebelum penubuhan Perikatan boleh dikatakan berlaku secara kebetulan.<sup>10</sup> Namun kejayaannya mengalahkan Parti Kemerdekaan Malaya ( IMP ) dengan cemerlang dalam pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur tahun 1952 memberi ruang kepada bentuk kerjasama ini yang pada mulanya hanya bersifat sementara untuk berkembang ke seluruh negara dan menjadi parti Perikatan pada tahun 1953 ( Milne & Mauzy 1982 : 45 ). Walaupun sudah wujud kerjasama dan kompromi antara UMNO dan MCA sejak tahun 1952 tetapi sentimen perkauman masih kuat menguasai para pemimpin politik. Umpamanya beberapa bulan selepas kejayaan pakatan UMNO-MCA dalam pilihan raya tahun 1952, Tunku Abdul Rahman dilaporkan berkata :

Malaya is for the Malays and it should not be governed by a mixture of races. The Malays must safeguard their rights over this land which is ours for the benefit of our future generations.

( Vasil 1980 : 98 )

Sementara itu para pemimpin UMNO selalu melihat perpaduan orang Melayu begitu penting dalam mengekalkan dominasi politik yang diperoleh pada tahun 1948. Pada tanggapan mereka perpaduan inilah merupakan benteng yang berkesan untuk mengekang penguasaan ekonomi dan politik oleh orang-orang Cina. Cogan kata parti UMNO yang berbunyi “Hidup Melayu” menjadi pengikat kepada orang Melayu untuk bersatu padu demi kepentingan bangsa. Cogan kata ini dilaungkan dalam setiap

---

<sup>10</sup> Hal ini demikian kerana H.S. Lee, pengurus MCA negeri Selangor berasa terpinggir dan tersinggung apabila dia tidak dijemput ke majlis pelancaran parti IMP pimpinan Dato Onn Jaafar. Pada waktu itu UMNO Kuala Lumpur pula menghadapi masalah kewangan untuk menyertai pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur. H.S. Lee berkesempatan berjumpa dengan Yahya Dato Abdul Rahman, pengurus Jawatankuasa Pilihan Raya UMNO Kuala Lumpur yang sedang runting dengan masalah kewangan untuk menghadapi pilihan raya. H.S. Lee mengambil keputusan untuk bekerjasama dengan UMNO dan menjadi penaja kewangannya. Kejayaan pakatan itu dalam pilihan raya tersebut kemudiannya merintis jalan kepada pembentukan Perikatan di peringkat kebangsaan, lihat Mauzy (1983 : 16-18).

perjumpaan UMNO untuk menaikkan semangat orang Melayu. Orang Melayu yang berani meninggalkan parti-parti Melayu, terutamanya UMNO akan dikecam sebagai pengkhianat kepada kepentingan Melayu. Ini dapat dilihat dalam kes Dato Onn Jaafar yang meninggalkan UMNO untuk menuju IMP, sebuah parti pelbagai kaum. Tokoh itu telah dituduh menggadaikan hak dan kepentingan Melayu kepada bangsa lain oleh Tunku Abdul Rahman ( Ibid. : 102 ).

Dalam pilihan raya umum tahun 1955 Perikatan mengemukakan manifestonya *Menuju Ke Arah Kemerdekaan* yang berpaksikan kemerdekaan bersama kaum-kaum lain telah berjaya menawan hati rakyat berbilang bangsa. Ini mendorong Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi parlimen yang dipertandingkan. Dengan kemenangan Perikatan ini pihak British melantik Suruhanjaya Perlembagaan Reid pada tahun 1956 untuk menggubal perlembagaan baru Tanah Melayu yang bakal merdeka. Dengan pelantikan suruhanjaya tersebut maka bermulalah babak kedua dalam persaingan mendapatkan kekuasaan politik antara elit Melayu dan Cina.

Perikatan menghantar sebuah memorandum kepada suruhanjaya tersebut. Oleh sebab memorandum Perikatan dihantar oleh sebuah parti politik yang bakal memegang tumpuk pemerintahan Tanah Melayu maka dokumen itu dianggap paling penting oleh suruhanjaya itu ( Ratnam 1965 : 57 ). Memorandum itu dikatakan memihak dan berpusatkan orang Melayu ( Heng 1988 : 228 ). Ini adalah kerana “racial bargain” yang memberi kekuasaan politik kepada orang Melayu turut terkandung dalam memorandum tersebut ( Mauzy 1983 : 20 ). Sebenarnya pucuk pimpinan MCA tidak memberi persaingan yang hebat kepada UMNO dalam

penggubalan perlombagaan ini. Mereka dikatakan hanya mengambil kira kepentingan kelas mereka, iaitu golongan atasan ( peniaga ) dan oleh itu bertindak untuk memenuhi tuntutan-tuntutan UMNO ( Cham 1977 : 210 ). Keadaan ini menimbulkan ketidakpuasan hati dalam masyarakat Cina dan melahirkan gerakan menubuhkan sebuah parti alternatif untuk orang Cina.<sup>11</sup>

Dalam pada itu Suruhanjaya Reid lebih cenderung kepada pemberian layanan yang seimbang kepada kepentingan Melayu dan bukan Melayu. Dengan berbuat demikian, suruhanjaya itu kelihatan lebih memihak kepada orang bukan Melayu ( Ratnam 1965 : 58 ). Keadaan ini menyumbang kepada percanggahan dalam cadangan perlombagaan yang dikemukakan oleh Perikatan dan suruhanjaya itu.<sup>12</sup> Untuk menyelesaikan percanggahan ini pihak British melantik sebuah pasukan kerja perlombagaan yang terdiri daripada 3 orang wakil British, 4 orang wakil sultan dan 4 orang wakil dari Perikatan untuk merumus bentuk perlombagaan yang muktamad. Hasil rundingan dalam pasukan kerja itu menghasilkan Perlombagaan Kemerdekaan 1957 yang menyaksikan dominasi politik Melayu diinstitusikan. Kata-kata di bawah menghuraikan dominasi ini dengan jelas :

The constitution of 1957 signified a triumph of post-war Malay nationalism. Among the major features were : Malay would be the national language ; Islam would be the state religion, while freedom of worship guaranteed to all creeds ; the Paramount Ruler was required to safeguard the special position of the Malays in respect of such matters as recruitment to the public

<sup>11</sup> Lihat perbincangan dalam Bab II untuk maklumat tentang usaha yang digerakkan oleh Huatuan bagi penubuhan parti alternatif itu.

<sup>12</sup> Untuk maklumat lanjut tentang perbezaan dalam kedua-dua cadangan tersebut, lihat Ratnam (1965 :57-65) dan Means (1970 : 175-189).

service, award of government scholarships, Malay land reservation, and the grant of permits for certain types of business activity.

( Ho 1988 : 77 )

Dengan termaktubnya perlembagaan kemerdekaan itu, kekuasaan politik Melayu sekali lagi dijamin dalam perlembagaan. Dan ini meletakkan kekuasaan tersebut tidak mungkin dicabar oleh golongan bukan Melayu. Malah elit politik Melayu dikatakan menganggap perlembagaan tersebut sebagai sumber dan alat untuk mencapai kekuasaan politik (Vasil 1980 : 50). Dengan perkembangan ini maka dapat dibuat kesimpulan bahawa tahun 40-an dan 50-an merupakan tahap pemantapan dan kemuncak perkembangan nasionalisme politik orang Melayu yang ingin melihat dominasi politik mereka diinstitusikan. Mereka ternyata berjaya dalam hal ini dan ini melicinkan dominasi-domonasi mereka yang lebih kemudian.

### **3.3.2 Dominasi di Bawah Politik Kuasi-konsosiasiional**

Kemerdekaan Tanah Melayu memberi peluang kepada kaum Melayu, Cina, dan India untuk berkongsi kuasa pemerintahan negara ini. Formula perkongsian kuasa ini dapat direalisasikan melalui Perikatan. Kebanyakan sarjana politik menganggap amalan perkongsian kuasa ini sebagai konsosiasiionalisme ataupun politik permuafakatan ( Lijphart 1977 ; Mauzy 1983 ; Ho 1988 ). Lijphart ( 1977 : 151 ) berpendapat penggerak kepada politik konsosiasiional di Malaysia ialah kewujudan Perikatan. Menurut prinsip politik ini parti-parti komponen dalam Perikatan dijangka memiliki kuasa pemerintahan yang sama. Namun hakikat yang sebenar ialah UMNO merupakan parti yang lebih dominan dan berkuasa sejak penubuhan Perikatan dibuat.

Seperti yang kita lihat lebih awal dominasi ini berpunca daripada kekuasaan politik yang diperuntukkan kepada orang Melayu dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Walau bagaimanapun dominasi UMNO dalam Perikatan selalu dikaburkan dengan kewujudan politik permuafakatan. Petikan berikut memberi gambaran yang jelas tentang kecenderungan ini :

... for years the dominance of UMNO was masked, though at times not convincingly, under the facade of an equal partnership. UMNO's supremacy was understood by its partners, but the MCA and the UMNO top elites did not want any obvious public demonstration of this fact. The lower echelon officials, however were often not so sensitive to this point.

( Mauzy 1983 : 24 )

Namun Ho Khai Leong ( 1988 : 70 ) menganggap amalan politik dalam Perikatan tidak menepati model Lijphart sepenuhnya tetapi hanya mirip kepada model tersebut. Pengkaji itu berpendapat demikian kerana perkongsian kuasa dalam Perikatan dikatakan berat sebelah dan kewujudan kerjasama dalamnya juga bersifat tegang. Oleh itu ia menamakan bentuk politik demikian sebagai Kuasi-konsosiasional. Meskipun kewujudan dominasi UMNO tetapi amalan rundingan ( bargain ) dan kompromi tetap dipraktikkan dalam Perikatan. Salah satu punca kepada kecenderungan ini ialah sifat personaliti Tunku Abdul Rahman. Tunku selalu disifatkan oleh pengkaji politik sebagai pemimpin yang bersifat "gentleman" dan sesderhana. Oleh itu tokoh itu sedia bertolak ansur dengan para pemimpin daripada bangsa lain, terutamanya rakan seperjuangannya dalam menuntut kemerdekaan. Ini dapat dilihat dalam kecaman-kecaman para pemimpin radikal UMNO terhadap Tunku

selepas Peristiwa 13 Mei yang menuduhnya telah mengabaikan kepentingan Melayu dalam melayani tuntutan-tuntutan kaum lain.

Dalam pada itu kewujudan keadaan hegemoni krisis ( Crisis of hegemony ) juga menyumbang kepada dominasi politik UMNO tidak dimanifestasikan sepenuhnya. Hegemoni krisis dicirikan oleh dikotomi dalam hegemoni politik dan ekonomi di Tanah Melayu selepas pemergian kuasa British ( Lim & Canak 1981 : 207-210 ). Penjajah British meninggalkan 3 kelas utama, iaitu kelas pemerintah Melayu, kelas kapitalis bukan Melayu tempatan, dan kelas borjuis metropolitan yang masing-masing tidak dapat menegakkan satu kedudukan yang bersifat hegemoni tuntas ( hegemonic bloc in power ). Hal ini demikian kerana elit politik Melayu hanya memiliki kuasa politik manakala kapitalis bukan Melayu dan borjuis metropolitan sekadar menguasai sumber ekonomi. Keadaan ini meletakkan ketiga-tiga kumpulan tersebut dalam situasi persaingan dan pertentangan. Hegemoni krisis inilah dikatakan menjadi punca kepada konflik sosial, terutamanya konflik etnik, agama, dan kelas yang sering berlaku di Malaysia ( Ibid. ).

Keadaan pertentangan dapat dilihat dalam beberapa insiden yang berlaku di negara ini. Umpamanya usaha Menteri Pertanian, Abdul Aziz Ishak membuat reformasi dalam pemasaran hasil-hasil pertanian melalui penubuhan koperasi yang dikendalikan oleh orang Melayu pada awal tahun 60-an telah mendapat tentangan hebat daripada pucuk pimpinan MCA ( Milne 1981 : 175 ). Mereka melihat usaha menteri itu sebagai sesuatu yang mampu menggugat kepentingan golongan kapitalis Cina dan melanggar “racial bargain”. Tindakan Abdul Aziz juga tidak mendapat

restu Tunku yang bersikap konservatif dan ingin melihat status quo itu dikekalkan. Menteri itu kemudiannya bertindak untuk menekan dan mengkritik kerajaan yang akhirnya membawa kepada penyingkirannya pada tahun 1963 ( Means 1970 : 249 ).

Sementara itu krisis Perikatan tahun 1959 yang berlaku antara MCA dan UMNO merupakan natijah daripada persaingan dan pertentangan itu. Insiden itu juga boleh dilihat sebagai manifestasi kekuasaan politik Melayu dalam menghadapi cabaran politik yang diajukan elit politik Cina. Suasana persaingan dan pertentangan mula membentuk dengan pemilihan Dr. Lim Chong Eu dan rakan seperjuangannya ke pucuk pimpinan MCA pada tahun 1958. Dr. Lim mempersepsikan hubungan antara MCA dan UMNO selama ini sebagai berat sebelah dan ia berniat untuk membetulkan ketidakseimbangan itu. Pemimpin itu turut menuntut persamaan hak dalam pemberian layanan terhadap isu bahasa Cina, sekolah Cina, dan aktiviti ekonomi serta meminta diperuntukkan 40 kerusi parliment kepada MCA dalam pilihan raya tahun 1959 ( Heng 1988 : 256 ). Tuntutan-tuntutan Dr. Lim itu bakal membawa pertelaghanan dengan UMNO memandangkan ia ternyata mencabar kekuasaan politik Melayu yang sebelum ini tidak pernah dicabar lagi.

Tunku berasa marah dengan tuntutan-tuntutan Dr. Lim dan menganggap tindakan itu sebagai “tikaman dari belakang” ( Vasil 1980 : 110 ). Tunku bertindak dengan membuat pernyataan rasmi bahawa Perikatan akan bertanding dalam pilihan raya 1959 tanpa MCA. Selanjutnya Tunku turut mengenakan syarat untuk MCA terus kekal dalam Perikatan. Ini termasuklah menarik balik semua tuntutan, membersihkan parti daripada para cauvinis tertentu dan beliau mahukan supaya beliau diberi kuasa

untuk memilih sendiri semua calon MCA yang akan bertanding dalam pilihan raya ( Milne & Mauzy 1982 : 178 ). Jawatankuasa Pusat MCA kemudiannya bermesyuarat dan membuat keputusan menerima syarat Tunku untuk kekal dalam Perikatan. Krisis ini berakhir dengan para penyokong Dr. Lim meninggalkan parti dan tokoh itu turut meletak jawatan sebagai presiden MCA pada akhir tahun 1959.

Selain itu kemunculan People' s Action Party ( PAP ) pimpinan Lee Kuan Yew dalam arena politik Malaysia pada tahun 60-an telah membawa kepada satu krisis politik. Slogan PAP yang berbunyi "Malaysian Malaysia" semakin mendapat pengaruh di kalangan rakyat bukan Melayu. Manakala para pemimpin Melayu pula melihat slogan itu sebagai satu ancaman kepada kekuasaan politik dan hak istimewa orang Melayu. Dengan perkembangan ini golongan Melayu dan bukan Melayu sekali lagi berada di landasan pertelahanan yang tampaknya sukar dielak. Untuk mengatasi kegawatan yang semakin genting itu Tunku mengambil keputusan menyingkirkan Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965.

Dalam menghadapi persaingan dan pertentangan yang dibawa oleh keadaan hegemoni krisis, kerajaan Perikatan pimpinan Tunku menerapkan pendekatan dualisme sebagai falsafah pembangunan ekonomi negara. Penerapan pendekatan ini merupakan kesinambungan dasar ekonomi kuasa British di Tanah Melayu tanpa sebarang perubahan dan penyesuaian ( Shaharuddin 1988 : 120-124 ). Falsafah pembangunan Tunku ialah mengekalkan orang Melayu di luar bandar dengan mengerjakan kegiatan ekonomi tradisional mereka. Manakala orang Cina dibiarkan terus berkecimpung dalam sektor perdagangan, perniagaan, dan perindustrian di

kawasan bandar. Falsafah pembangunan ini berpunca daripada anggapan Tunku bahawa orang Melayu tidak memiliki sebarang aspirasi dan cita-cita ekonomi ( *Ibid.* ).

Kecenderungan Tunku mengamalkan politik kompromi dalam pemerintahan dan usahanya untuk tidak melanggar “racial bargain” juga dilihat sebagai punca kepada pelaksanaan dasar demikian. Tambahan pula, pertumbuhan ekonomi negara yang berterusan dalam tahun 1960-an menyebabkan Tunku berpendapat soal mengintegrasikan orang Melayu ke dalam arus ekonomi negara sebagai usaha yang kurang mendesak ( *Abdul Ghapa & Nik Annuar 1996 : 7* ). Hal ini menyebabkan ekonomi Melayu terus berada di luar kerangka dasar pembangunan utama negara.

Dasar ekonomi negara pada zaman Tunku bersifat tidak mengintervensi kegiatan ekonomi negara bagi membantu orang Melayu. Dengan dasar demikian kedudukan ekonomi orang Melayu terus terpenggir dalam arus pembangunan negara. Orang Melayu yang berada di luar bandar terus hidup dalam kedaifan tanpa pembelaan. Kemunduran ekonomi Melayu jelas terbukti kerana pada tahun 1969 orang Melayu hanya menyumbang sebanyak 1.5% daripada keseluruhan modal saham dalam syarikat-syarikat berhad. Manakala pelabur asing, pemodal Cina, dan India tempatan masing-masing menyumbang sebanyak 62.1%, 22.8%, dan 0.9% ( *Malaysia 1971 : 40* ). Data-data ini menunjukkan pemodal asing terus menguasai ekonomi Malaysia selepas kemerdekaan. Penguasaan orang asing yang berterusan terhadap ekonomi negara ini dikatakan berpunca daripada dasar ekonomi kerajaan Tunku ( *Jesudason 1989* ).

Dasar ekonomi negara pimpinan Tunku yang “non-interventionist” ini sebenarnya bertentangan dengan kepentingan Melayu dalam keadaan hegemoni krisis. Dalam kedaan tersebut, elit politik Melayu yang telah memiliki kuasa politik mula mengorak langkah bagi menguasai sumber ekonomi dalam usaha mereka untuk berkembang daripada keadaan hegemoni separa kepada hegemoni tuntas ( Lim & Canak 1981 : 210 ). Oleh yang demikian suara-suara untuk meningkatkan ekonomi Melayu mulai kedengaran pada pertengahan tahun 60-an.<sup>13</sup> Kecenderungan ini dapat dilihat dalam penganjuran Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama dan kedua pada tahun 1965 dan 1968.

Dalam kongres-kongres ekonomi ini para peserta telah mengkritik dasar ekonomi negara yang “non-interventionist” . Satu sentimen penting yang terjelma dalam kongres-kongres ini ialah mereka berpendapat bahawa kerajaan perlu menggunakan kuasa politik untuk memperluas kawalan terhadap ekonomi negara ( Gomez 1996 : 133 ). Pada pandangan mereka ini dapat dilaksanakan melalui agensi-agensi kerajaan dengan mengawal dan memperoleh kepentingan dalam syarikat-syarikat korporat swasta. Kepentingan-kepentingan yang diperoleh itu kemudian boleh diagihkan kepada orang-orang Melayu demi membangunkan ekonomi Melayu. Kesedaran ini merupakan manifestasi daripada apa yang dicanangkan oleh Max Weber sebagai kapitalisme politik ( political capitalism ).<sup>14</sup> Sentimen dan kesedaran ini juga

---

<sup>13</sup> Walaupun pentadbiran Tunku telah menjalankan usaha-usaha untuk membantu meningkatkan kehidupan orang Melayu namun ia tetap tidak dapat menyahut kemunculan nasionalisme ekonomi orang Melayu yang semakin berkembang itu. Untuk maklumat tentang usaha-usaha awal itu, lihat perbincangan dalam Ness (1967) .

<sup>14</sup> Bagi Max Weber kapitalisme politik menawarkan peluang untuk meraih keuntungan dengan menggunakan hak istimewa dan pengeksploitasi sesuatu kuasa pemerintahan, lihat perbincangan dalam Shaharuddin (1988).

mencerminkan keseriusan tuntutan orang Melayu dalam meningkatkan ekonomi Melayu. Ini dapat dilihat dari pendapat dalam salah satu kertas kerja di kongres itu :

Jikalau Bumiputera tidak ada pertaruhan dalam ekonomi negeri ini, maka tidaklah terjamin bahawa pada masa depan, orang-orang yang bukan Bumi-putera akan dapat menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi mereka dalam aman dan damai.

( Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama 1965 : 41 )

Ketiadaan perubahan dalam dasar ekonomi negara pada tahun 60-an jelas menunjukkan kerajaan pimpinan Tunku gagal dalam mempersepsi dan merespons kepada kuasa sebenar yang menggerakkan tuntutan dalam membangunkan ekonomi Melayu. Kuasa yang menjadi pencetus ialah perkembangan nasionalisme ekonomi orang Melayu yang semakin memuncak. Kemunduran ekonomi orang Melayu yang berterusan meskipun kemerdekaan sudah dicapai telah menjadi pemangkin kepada perkembangan ini. Malah kegagalan kerajaan Perikatan dalam hal ini menyumbang kepada salah satu punca terletusnya Peristiwa 13 Mei ( Chee 1991 : 67 ). Sementara itu menurut Jomo, dalam UMNO itu sendiri, dasar ekonomi negara yang “non-interventionist” turut dikritik dengan keras oleh pemimpin “young turks” yang diwakili oleh Dr. Mahathir Mohamad dan Musa Hitam ( Gomez 1996 : 133 ). Peristiwa 13 Mei yang berlaku telah memberi peluang kepada pucuk pimpinan baru untuk melayan kepada perkembangan nasionalisme ekonomi orang Melayu demi membangunkan ekonomi mereka.

### **3.3.3 Dominasi Tuntas di Bawah Politik Kehegemonian Etnik**

Peristiwa 13 Mei merupakan titik hitam dalam sejarah perkembangan politik Malaysia. Banyak sarjana politik menganggapnya sebagai satu titik penting dalam sejarah politik dan ekonomi Malaysia ( Funston 1980 ; Means 1992 ; Mauzy 1983 ). Peristiwa itu menyentak dan menggemparkan para pemimpin dan rakyat negara ini. Berbagai-bagi punca telah diajukan sebagai penyebab rusuhan kaum itu.<sup>15</sup> Namun perbicangan ini hanya memfokus kepada punca-punca yang relevan dengan kemunculan hegemoni politik Melayu. Perkembangan nasionalisme ekonomi orang Melayu telah memuncak dengan terletusnya tragedi itu dan tuntutan untuk membangunkan ekonomi Melayu merupakan satu kuasa yang tidak dapat dibendung lagi.



Politik Malaysia memasuki satu dimensi baru selepas tragedi itu. Keadaan darurat telah diisyithar oleh Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Gerakan Negara ( MAGERAN ) yang dipengerusikan Tun Razak dibentuk untuk menjalankan kuasa eksekutif Persekutuan. Walaupun Tunku terus memegang jawatan Perdana Menteri namun kuasa pemerintahan sudah beralih kepada MAGERAN. Sementara itu pemimpin-pemimpin radikal UMNO yang diterajui Dr. Mahathir Mohamad terus mengkritik dan menekan Tunku supaya meletak jawatan.<sup>16</sup> Kecaman-kecaman mereka mendapat sambutan daripada orang Melayu. Namun UMNO tetap

<sup>15</sup> Umpamanya Tunku menekankan peranan yang dimainkan oleh Parti Komunis Malaya, lihat Tunku Abdul Rahman (1969). Ada pula yang melihat rusuhan ini sebagai cubaan rampasan kuasa yang dilakukan oleh para pemimpin pelampau dalam UMNO, lihat Subky Latiff (1977 : 161). Manakala MAGERAN mengemukakan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum sebagai puncanya, lihat National Operations Council, *The May 13 Tragedy : A Report* (1969 : 23-24).

<sup>16</sup> Untuk keterangan lanjut tentang hal ini, lihat Funston (1980 : 223-226) dan Milne & Mauzy (1982 : 112-116).

menyokong Tunku dan oleh itu Dr. Mahathir Mohamad dipecat dari keanggotaan parti dan Musa Hitam pula dilucutkan jawatannya sebagai Timbalan Menteri.

Peletusan peristiwa berdarah itu menunjukkan keperluan yang mendesak untuk melaksanakan dasar-dasar baru negara bagi mengatasi pelbagai kesenjangan dalam negara. Politik cara Tunku yang dianggap terlalu berkompromi dan melayan tuntutan golongan bukan Melayu didapati tidak sesuai lagi dengan cita-cita pembinaan negara-bangsa di kalangan orang Melayu. Ketuanan Melayu yang menjadi teras perjuangan politik UMNO, yang sebelum ini kurang mendapat tempat dalam agenda politik Tunku telah muncul sebagai satu kuasa yang penting dalam menentukan orientasi dasar kerajaan di bawah pimpinan Tun Razak ( Abdul Ghapa & Nik Annar 1996 : 8 ). Dengan perkembangan ini berbagai-bagai tindakan politik dan ekonomi yang bertujuan memenuhi cita-cita perjuangan Melayu telah diambil. Kebanyakan dasar dan tindakan itu sebenarnya merupakan idea-idea yang telah diajukan oleh barisan radikal dalam UMNO ( Funston 1980 : 224 ). Dengan perubahan yang mendadak dalam dasar negara maka Malaysia dikatakan telah memasuki satu era orde baru ( Ho 1998 : 85 ).

Inti pati kepada dimensi baru dalam politik Malaysia ialah perubahan dalam struktur perkongsian kuasa antara elit pelbagai etnik. Ini dapat dilihat dalam kenyataan oleh Ghazali Shafie pada bulan Ogos 1969 bahawa politik negara ini telah dan harus kekal untuk beberapa lama akan datang sebagai politik yang berasaskan bumiputera ( Milne & Mauzy 1982 : 448 ). Malah semasa pelantikannya sebagai Perdana Menteri pada 22 September 1970 Tun Razak menegaskan :

This government is based on UMNO and I surrender its responsibility to UMNO in order that UMNO shall determine its form - the government must follow the wishes and desires of UMNO - and it must implement policies which are determined by UMNO.

( Funston 1980 : 224 )

Sistem kerajaan berperlimen Malaysia telah dipulihkan pada 23 Februari 1971, iaitu 21 bulan selepas pergantungannya. Perkembangan yang seterusnya menyaksikan Perikatan digantikan Barisan Nasional ( BN ) yang mempunyai keanggotaan yang lebih besar.<sup>17</sup> Namun dominasi UMNO dalam BN dan kerajaan lebih ketara selepas tahun 1969. Umpamanya Vasil ( 1980 : 222 ) berpendapat "the politic of accomodation was given up once and for all". Mauzy ( 1993 : 111 ) pula menganggap perkongsian kuasa dalam BN berdasarkan "accomodation on essentially Malay terms". Manakala Stephen Chee ( 1987 : 146 ) menyifatkan dominasi UMNO telah membawa kepada penguasaan kerajaan oleh UMNO. Penguasaan ini diistilahkan sebagai "party government" dan kadang-kadang di peringkat tertinggi sukar hendak membezakan antara parti dengan kerajaan.

Dominasi politik Melayu dalam orde baru kerajaan telah mencapai tahap hegemoni. Hegemoni politik memperlihatkan parti yang mewakili etnik terbesar dikatakan memainkan peranan utama dan ia seolah-olah bertindak sebagai "power

---

<sup>17</sup> Pembentukan BN merupakan cetusan idea Tun Razak. Ia bermula dengan penubuhan kerajaan campuran di peringkat negeri antara Perikatan dengan parti-perti pembangkang, iaitu di negeri Sarawak ( Julai 1970 ), Pulau Pinang ( Februari 1972 ), Perak ( Mei 1972 ), Kelantan, Terengganu, dan Kedah ( Januari 1973 ). BN hanya didaftarkan pada 1 Jun 1974 dengan keanggotaan sembilan buah parti.

broker” ataupun sebagai rakan teras dalam sesuatu perikatan ( Ahmad Atory 1998 : 37 ). Dengan anggapan dirinya dominan maka segala keputusan penting diputuskan oleh parti dominan itu sehingga boleh mengetepikan parti-parti komponen yang lain. Parti-parti komponen ini hanya memainkan peranan politik secara marginal sahaja dan kadang-kadang merasakan diri mereka terasing daripada pihak yang dominan itu ( Ibid.). Kedudukan UMNO dalam BN menepati teori kehegemonian politik ini. Kehegemonian UMNO menyebabkan sumber politik dan ekonomi beralih ke jentera kerajaan dan elit-elit bumiputera dan ini telah menyumbang kepada kelahiran struktur politik yang diberi nama Negara Kehegemonian Etnik ( Ho 1988 : 2-3 ).

### **3.4 Manifestasi Kehegemonian Politik Melayu**

Pelelusian Peristiwa 13 Mei telah merintis kepada dimensi baru dalam perkembangan politik Malaysia. Perubahan yang berlaku ini berpunca daripada perasaan tergugat yang menjelma di kalangan orang Melayu natijah daripada keputusan pilihan raya umum 1969. Walaupun Perikatan boleh membentuk kerajaan persekutuan dengan memenangi 66 kerusi parlimen di Semenanjung daripada keseluruhannya yang berjumlah 104, namun ia gagal membentuk kerajaan negeri di Pulau Pinang, Perak, Selangor, dan Kelantan. Kekalahan Perikatan di Pulau Pinang, Perak, dan Selangor dalam tangan parti pembangkang yang rata-rata terdiri daripada golongan bukan Melayu membawa implikasi yang begitu mendalam. Orang Melayu mempersepsikan kemenangan golongan bukan Melayu ini terutamanya orang Cina sebagai satu ancaman besar kepada dominasi politik mereka ( Vasil 1980 : 177 ; Chee 1991 : 68 ). Manakala orang Cina pula menganggap kemenangan ini sebagai sesuatu yang penuh bermakna.

Perkembangan ini meletakkan orang Melayu dalam satu keadaan tergugat seperti yang pernah dialami oleh mereka dalam rancangan Malayan Union tahun 1946. Mereka mula melihat formula permuafakatan politik Perikatan tajaan Tunku tidak relevan lagi dalam memperjuangkan hak dan kepentingan Melayu. Oleh itu mereka mengharapkan satu bentuk kerajaan yang dapat merespons dan melayani agenda Melayu. Penubuhan MAGERAN selepas rusuhan kaum itu untuk menerajui pemerintahan negara memenuhi tuntutan-tuntutan orang Melayu. Dalam keadaan ini maka kedengaran suara-suara orang Melayu supaya MAGERAN terus memerintah negara ( Vasil 1980 : 185 ). Hal ini demikian kerana MAGERAN dilihat sebagai bentuk pemerintahan yang mampu mengekang ancaman orang-orang bukan Melayu terhadap kekuasaan politik Melayu.

Gugatan terhadap kuasa politik Melayu mendorong para pemimpin UMNO memikirkan strategi dan formula baru untuk melaksanakan proses pembinaan negarabangsa dan pelindungan kepentingan Melayu. Tun Razak dilaporkan mengadakan satu pertemuan dengan beberapa orang penasihat rapatnya di Cameron Highlands untuk tujuan di atas. Pertemuan ini kemudiannya membawa kepada penganjuran beberapa perbincangan dan mesyuarat yang melahirkan pegangan-pegangan asas dalam menyusun strategi untuk merealisasikan cita-cita perjuangan Melayu. Antara yang penting ialah kekuasaan UMNO harus dipastikan, perpaduan orang Melayu dan nasionalisme Melayu merupakan matlamat utama, dan peluasan konsep Perikatan untuk mencapai persetujuan politik ( Milne & Mauzy 1982 : 225 ).

Perkembangan yang seterusnya memperlihatkan bahawa agenda pengekalan kekuasaan politik Melayu mendapat prioriti kepimpinan UMNO. Tindakan-tindakan segera diambil supaya penghakisan politik Melayu tidak lagi berlaku dan juga untuk mengembalikan keyakinan orang Melayu. Langkah pertama yang dilakukan oleh MAGERAN ialah meminda Akta Hasutan pada bulan Ogos 1970. Dengan pindaan ini, Bahagian III Perlembagaan Persekutuan ( kewarganegaraan ), Perkara 152 ( bahasa kebangsaan ), Perkara 153 ( Kedudukan istimewa orang Melayu dan hak sah bangsa lain ), dan Perkara 181 ( kedaulatan Raja-raja ) diisyiharkan sebagai isu sensitif dan tidak boleh dipertikaikan lagi.

Apabila Parlimen dipulihkan dalam bulan Februari 1971 kepimpinan UMNO mengambil tindakan untuk meminda perlembagaan negara. Langkah ini diambil demi memantapkan kekuasaan dan kewibawaan UMNO ( Heng1998 : 66 ). Pindaan perlembagaan ini bertujuan memasukkan perkara-perkara sensitif dalam Akta Hasutan tahun 1970 ke dalam perlembagaan negara dan kekebalan bersuara parlimen dan Dewan Undangan Negeri terhadap perkara-perkara sensitif ini di dewan-dewan perundangan ditarik balik. Pindaan ini juga memberi kuasa kepada Yang di Pertuan Agong untuk mengarahkan mana-mana universiti dan kolej menguntukkan sejumlah tempat kepada pelajar bumiputera dalam beberapa jenis kursus pilihan ( Vasil 1980 : 191 ). Selain itu Perkara 159 dalam perlembagaan yang antaranya menyentuh pindaan terhadap kedudukan istimewa orang Melayu turut dipinda. Dengan perubahan ini maka Perkara 159 hanya boleh dipinda dengan persetujuan Majlis Raja-Raja ( Milne & Mauzy 1982: 126 ). Pindaan perlembagaan kali ini telah berjaya mengekang ~~-----~~ bukan Melayu terhadap hak dan kedudukan istimewa orang

Melayu. Dengan ini kekuasaan politik Melayu yang telah dijamin oleh Perlembagaan Kemerdekaan diperkuuh kedudukannya lagi.

Dalam pada itu kelemahan Perikatan dalam memenuhi agenda perjuangan Melayu merangsang kepimpinan UMNO untuk mencari alternatif yang lain. Perubahan ini merupakan keperluan yang mendesak memandangkan pencapaian cita-cita ekonomi Melayu menerusi DEB hanya dapat direalisasikan dalam kedaan-kedaan gangguan politik yang minimum. Keadaan ini menyumbang kepada kewujudan kesedaran di kalangan pemimpin UMNO untuk menyerapkan parti-parti pembangkang dalam satu perikatan yang lebih besar demi cita murni itu ( Heng 1998 : 66 ; Milne 1981 : 51-52 ). Idea penubuhan BN cetusan Tun Razak menepati kehendak ini. Kerajaan pimpinan Tun Razak bertindak dengan membujuk parti-parti pembangkang menyertai BN. Akhirnya hampir kesemua parti pembangkang<sup>18</sup> menganggotai perikatan baru itu. Cara kemasukan parti-parti itu ke dalam BN dianggap oleh pengkaji politik sebagai “co-optation by UMNO” ( Chee 1987 ; Heng 1998 : 67 ). Ini bermakna hanyalah UMNO berkuasa memilih ahli untuk BN.

Pembentukan BN sekali lagi memacu kekuasaan politik Melayu. Dengan keanggotaan yang lebih besar, kepentingan bukan Melayu tidak lagi hanya diwakili oleh MCA dan MIC. Parti-parti bukan Melayu yang lebih banyak ini mendorong mereka saling bersaing dan bercakaran untuk meraih sokongan daripada komuniti mereka. Natijahnya kuasa tawar-menawar dan seterusnya pengaruh mereka dalam

---

<sup>18</sup> Yang menyertai BN ialah Gerakan, PPP, dan PAS. Manakala yang tetap berperanan sebagai pembangkang ialah DAP dan Pekemas ( Parti Keadilan Masyarakat ), sebuah parti baru yang didtubuhkan pada tahun 1971 di bawah pimpinan Dr. Tan Chee Koon.

politik Malaysia semakin terhakis. Gambaran di bawah jelas memaparkan struktur hubungan dalam BN :

The important advantage of the new arrangement is that it is not based on a "permanent" coalition of the UMNO, the MCA and the MIC, representing the Malays, the Chinese and the Indians respectively, as was represented by the Alliance. The new arrangement's permanent core is provided by the UMNO, representing the Malays, and the non-Malay organisations, including the MCA and the MIC, are acceptable in the Front only so long as they "cooperate" with the Malay core.

( Vasil 1980 : 205 )

Kehegemonian politik Melayu juga dapat dilihat dalam proses persempadanan kawasan pilihan raya. Keadaan ini berlaku kerana pindaan-pindaan perlembagaan yang dibuat membolehkan kawasan pengundian di luar bandar diberi pemberatan yang lebih. Perlembagaan Kemerdekaan 1957 hanya membataskan ketaksamaan bilangan pengundi dalam kawasan-kawasan pilihan raya kepada tidak melebihi 15%. Namun pindaan perlembagaan tahun 1962 meningkatkan ketaksamaan itu kepada tidak melebihi 50%. Malah apa yang lebih signifikan lagi menurut Lee Kam Hing dan Michael Ong ialah pindaan kali itu mengakibatkan sifat berkecuali Suruhanjaya Pilihan Raya ( SPR ) terhakis dan badan itu dikatakan memihak kepada kepentingan Perikatan ( Thock 1994 : 59 ). Ini adalah kerana SPR kini hanya memiliki kuasa untuk mencadangkan persempadanan kawasan pilihan raya manakala kuasa meluluskannya terletak di Parlimen.

Perkembangan yang seterusnya menyaksikan sekatan terhadap ketaksamaan dalam bilangan pengundi dimansuhkan melalui penggubalan Akta Parlimen 206 pada tahun 1973 ( Yeoh 1982 : 66 ). Ini bermakna tiada lagi batasan terhadap bilangan minimum dan maksimum untuk pengundi di sesuatu kawasan pilihan raya. Keadaan ini menyumbang kepada perbezaan yang amat besar dalam bilangan pengundi di kawasan pilihan raya bandar dan luar bandar. Umpamanya dalam pilihan raya umum 1986, kawasan parlimen Tumpat dengan 92% pengundi Melayu hanya mempunyai 16,760 orang pengundi tetapi kawasan Petaling Jaya yang majoriti pengundinya bukan Melayu pula mencatat 80,403 orang pengundi. Di kawasan Seputeh yang terdiri daripada 83% pengundi Cina memiliki 75,153 orang pengundi manakala kawasan Setiu di Terengganu dengan 99% pengundi Melayu hanya mempunyai 29,793 orang pengundi ( Yeoh 1988 : 27 ). Dengan pemberatan terhadap “rural weightage” ini maka undi Melayu di laur bandar dikatakan tiga kali ganda lebih bernilai daripada undi bukan Melayu di bandar.

Proses persempadanan kawasan pilihan raya yang menekankan “rural weightage” pada tahun 1974, 1984, dan 1993 telah membawa impak yang mendalam. Akibatnya jumlah kawasan pilihan raya parlimen majoriti pengundi Melayu meningkat dengan ketara. Ini dapat dilihat dalam jadual di bawah :

Jadual 3.1 Bilangan Kawasan Parlimen dengan Majoriti Pengundi Melayu di Semenanjung Malaysia

Tahun	Jumlah kerusi	Kerusi Majoriti Melayu	%Kerusi Majoriti Melayu
1964	104	60	57.7
1969	104	60	57.7
1974	114	79	69.3
1978	114	79	69.3
1982	114	75	65.8
1986	132	92	69.7
1990	132	92	69.7
1995	144	100	69.4
1999	144	100	69.4

Sumber : Yeoh ( 1988 : 27 ) ; Loh ( 2002a : 6 )

Jadual di atas menunjukkan pada pilihan raya umum 1969 kawasan parlimen majoriti pengundi Melayu berjumlah 60 atau 57.7% daripada 104 kerusi parlimen. Namun setelah persempadan pada tahun 1974, kawasan majoriti pengundi Melayu telah bertambah kepada 79 atau 69.3% daripada jumlah 114 kawasan parlimen. Dalam proses penyusunan semula kawasan pilihan raya tahun 1984, kawasan parlimen di Semenanjung Malaysia bertambah daripada 114 kepada 132. Antara 18 kawasan parlimen baru itu 13 daripada merupakan kawasan majoriti pengundi Melayu, 4 kawasan majoriti pengundi Cina dan sebuah kawasan majoriti pengundi campuran ( Sia 1997: 62 ). Ini bermakna peratus kawasan parlimen majoriti pengundi Melayu meningkat lagi kepada 69.7% yang berjumlah sebanyak 92 buah.

Impak proses persempadan ini juga dapat dilihat dari sudut lain. Pada tahun 1974, walaupun pengundi Melayu berdaftar hanya mencatat sebanyak 57.9% daripada jumlah keseluruhan pengundi berdaftar di Semenanjung Malaysia tetapi kawasan

parlimen yang majoriti pengundi Melayu meliputi 69.3%. Dalam pilihan raya umum 1986 perbezaan ini semakin ketara apabila 55.2% pengundi berdaftar telah menguasai 70% kerusi parlimen ( Ibid. : 63 ). Dari huraian di atas maka dapat dirumuskan bahawa sejak proses persempadanan tahun 1974, kawasan majoriti pengundi Melayu telah mencecah 2/3 daripada jumlah keseluruhan kawasan parlimen. Ini bermakna parlimen dapat dikuasai dan perlombagaan dapat dipinda hanya dengan undi Melayu. Hal demikian menunjukkan kehegemonian politik Melayu telah mencapai tahap tuntas dan ini merupakan natijah daripada kebimbangan orang Melayu terhadap cabaran kuasa politik Melayu yang dilakukan oleh golongan bukan Melayu pada tahun 1969.

Dengan kehegemonian politik Melayu ini, kuasa politik bukan Melayu, terutamanya masyarakat Cina semakin terhakis. Ini dapat dilihat apabila parlimen dipulihkan dan kabinet baru dilantik pada tahun 1971, MCA telah hilang jawatan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Malah apabila Tan Siew Sin bersara daripada politik atas sebab kesihatan pada tahun 1974, jawatan penting yang dipegangnya, iaitu Menteri Kewangan turut terlepas ke tangan UMNO. Keadaan yang demikian membawa kepada dominasi UMNO terhadap kabinet. Dalam sesebuah kabinet, kementerian yang dianggap penting ialah Kewangan, Pertahanan, Keselamatan Dalam Negeri, dan Perdagangan dan Perindustrian. Mulai tahun 1974 kesemua kementerian tersebut telah dikuasai oleh UMNO.

### **3.5 Manifestasi Kehegemonian Ekonomi Melayu**

Kehegemonian politik Melayu memberi keupayaan kepada kerajaan untuk bertindak secara berkesan bagi menangani punca utama kepada peletusan Peristiwa 13

Mei, iaitu kemunduran ekonomi orang Melayu. Usaha membangunkan ekonomi Melayu bermula sebaik sahaja Tun Razak mengambil alih tumpuk pemerintahan negara. Era pemerintahan Perdana Menteri baru itu memperlihatkan berlakunya intervensi kerajaan secara meluas dalam ekonomi negara. Bagi pemimpin ini penglibatan dan peranan kerajaan adalah penting untuk mewujudkan keadilan ekonomi kepada segenap lapisan rakyat. Pada pandangan tokoh tersebut prinsip keadilan ekonomi tidak dapat diperluas dengan hanya bergantung kepada sistem ekonomi *lassez-faire*. Sebaliknya ia memerlukan intervensi kerajaan kerana dengan penglibatan itu kerajaan boleh memanipulasikan kuasa pasaran untuk memenuhi objektif dan keutamaan ekonomi serta politik kerajaan ( Abdul Ghapa & Nik Annar 1996 : 11 ). Dengan intervensi kerajaan ini maka bermulalah satu era kapitalisme politik dalam sejarah Malaysia demi meningkatkan ekonomi Melayu.

Wahana untuk mencapai keadilan ekonomi yang diajukan oleh kepimpinan Tun Razak ialah melalui pelaksanaan DEB yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kedua pada tahun 1971. Penggubalan DEB merupakan manifestasi pemuncakkan nasionalisme ekonomi Melayu<sup>19</sup> dan idea-ideanya dikatakan lahir daripada resolusi-resolusi Kongres Ekonomi Bumiputera tahun 1965 dan 1968 ( Shamsul 1986 : 190 ). DEB merupakan dasar yang terpenting dalam sejarah pembangunan Malaysia lantaran impaknya begitu menyeluruh dan mendalam terhadap rakyat negara ini. DEB yang bermatlamatkan perpaduan nasional mempunyai objektif serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun

---

<sup>19</sup> Untuk perbincangan yang lengkap tentang perkaitan DEB dengan nasionalisme ekonomi Melayu dan implikasinya, lihat Shamsul (1997).

semula masyarakat supaya pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi tidak lagi terjadi. Namun didapati tumpuannya lebih menekankan objektif kedua yang bertujuan melahirkan satu kelas usahawan Melayu untuk menggantikan kekuasaan golongan bukan Melayu ke atas ekonomi ( Saravanamuttu 1989 : 102 ). Meskipun pada prinsipnya DEB bukan bersifat keetnikan tetapi pelaksanaannya ternyata menjurus kepada pengumpulan modal Melayu untuk memenuhi cita-cita ekonomi para elit Melayu ( Shaharuddin 1988 ; Shamsul 1986 ).

DEB terus mendapat pembelaan dan dukungan pada zaman-zaman selepas Tun Razak. Malah pelaksanaannya memuncak pada era pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad. Sebagai seorang yang pernah dilabel pemimpin radikal dalam memperjuangkan hak dan kepentingan Melayu, Perdana Menteri ini ingin melihat saranan-saranannya dalam buku *The Malay Dilemma* dilaksanakan oleh kerajaan. Karya pemimpin ini dan sebelumnya, *Revolusi Mental* yang disusun dan diterbitkan oleh Pemuda UMNO pada tahun 1971 merupakan dua buah dokumen penting dalam mengungkap kebangkitan nasionalisme ekonomi orang Melayu selepas tahun 1969 ( Shaharuddin 1988 : 138 ). Era pentadbiran Dr. Mahathir begitu unik sehingga ada pengkaji-pengkaji politik yang menamakan corak pemerintahannya sebagai **Mahathirisme** ( Khoo 1995 ; Hilley 2001 ). Khoo Boo Teik mengenal pasti salah satu komponen dalam Mahathirisme ialah nasionalisme. Sebagai pemimpin nasionalis Melayu sudah tentu pemimpin ini menginginkan cita-cita nasionalisme ekonomi orang Melayu diintegrasikan ke dalam dasar negara. Ketegasan ini dapat dilihat dalam kata-kata di bawah :

Where necessary, laws must be promulgated in order to render effective whatever economic policy may be considered necessary. Harsh punitive measures should be meted out to those who impede the elevation of the Malays to an equality with other races.

( Mahathir 1982 : 60 )

Dalam usaha menyusun semula masyarakat kerajaan memberi prioriti kepada usaha membetulkan ketidakseimbangan dalam pemilikan modal dan kekayaan antara kaum ( Shamsul 1986 : 192 ). Sasaran proses penyusunan semula ini adalah untuk memastikan pemilikan modal di negara ini pada tahun 1990 mengikut nisbah 30% untuk bumiputera, 40% untuk bukan bumiputera, dan 30% untuk orang asing. Untuk mencapai sasaran 30% pemilikan modal dan kekayaan negara, kerajaan mengambil beberapa langkah tegas. Antara yang terpenting ialah memperbanyak dan memperkasakan peranan dan fungsi perbadanan awam.<sup>20</sup> Perbadanan awam telah wujud semasa kemerdekaan negara namun ia gagal memainkan peranan untuk membangunkan ekonomi Melayu pada zaman pemerintahan Tunku. Dengan dasar intervensi ekonomi di bawah teraju Tun Razak, perbadanan awam telah mendapat penekanan dan nafas baru. Maka terdapat perbadanan awam yang berperanan khusus sebagai agensi pemegang amanah yang bertindak untuk mengumpulkan kekayaan bagi golongan bumiputera. Kekayaan yang diperoleh itu kemudiannya akan diagihkan kepada kaum bumiputera. Perbadanan-perbadanan awam juga terlibat dalam perniagaan dengan lebih cergas untuk memastikan pencapaian sasaran 30% pemilikan itu mengikut tempoh yang ditetapkan. Dengan penekanan ini maka bilangan

---

<sup>20</sup> Satu kajian yang lengkap tentang peranan perbadanan awam untuk mengangkat ekonomi Melayu di Malaysia boleh didapati dalam Gale (1981).

perbadanan awam yang ditubuhkan oleh kerajaan meningkat dengan mendadak.

Jadual berikut menunjukkan hakikat ini :

Jadual 3.2 Bilangan Perbadanan Awam di Malaysia, 1960-1992

Industri	1960	1965	1970	1975	1980	1985	1992
Pertanian	4	5	10	38	83	127	146
Pembinaan	2	9	9	33	65	121	121
Industri Ekstratif	0	1	3	6	25	30	32
Kewangan	3	9	17	50	78	116	137
Pembuatan	5	11	40	132	212	289	315
Perkhidmatan	3	6	13	76	148	258	321
Pengangkutan	5	13	17	27	45	63	68
Lain-lain	0	0	0	0	0	6	9
<b>Jumlah</b>	<b>22</b>	<b>54</b>	<b>109</b>	<b>362</b>	<b>656</b>	<b>1010</b>	<b>1149</b>

Sumber : Gomez & Jomo ( 1997 : 31 )

Pertambahan bilangan perbadanan awam juga menyumbang kepada peningkatan dalam perbelanjaan untuk pembangunan awam. Dalam Rancangan Malaysia Pertama ( 1966-1970 ) peruntukan untuk perbelanjaan ini hanya RM 4.6 bilion. Namun dalam Rancangan Malaysia Kelima ( 1986-1990 ) peruntukan ini telah melonjak kepada 57.5 bilion ( Gomez & Jomo 1997 : 31 ). Dengan suntikan modal daripada kerajaan maka kebanyakan perbadanan awam dapat melaksanakan misinya. Antara perbadanan awam yang penting dan berpengaruh ialah Petronas, Perbadanan Nasional atau Pernas, HICOM ( Heavy Industries Corporation of Malaysia ) dan UDA ( Urban Development Authority ). Di samping itu Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ( PKEN ) ditubuhkan di setiap negeri. Manakala perbadanan awam yang

dikategori sebagai agensi pemegang amanah ialah Permodalan Nasional Bhd. atau PNB dan anak syarikatnya Amanah Saham Nasional ( ASN ).

Perbadanan-perbadanan awam yang berorientasikan perniagaan bergerak cergas untuk merebut peluang perniagaan dalam negara. Hal yang demikian telah menyebabkan perbadanan-perbadanan ini tidak menghiraukan gesaan daripada ahli-ahli politik dan peniaga Cina supaya agensi tersebut hanya meneroka bidang perniagaan yang selama ini dikuasai oleh pemodal-pemodal asing ( Jesudason 1989 ). Oleh itu perbadanan-perbadanan awam ini mulai memasuki bidang perniagaan seperti pengangkutan dan pembinaan yang sudah lama dikuasai oleh saudagar-saudagar Cina. Apa yang lebih membimbangkan golongan saudagar ini ialah Pernas turut menguasai hak monopoli perdagangan dengan negara China dalam beberapa jenis perniagaan ( Lim & Canak 1981 : 218 ). Umpamanya Satria Utara Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat Pernas memperoleh monopoli dalam pengimportan limau mandarin dalam tahun 1985. Sedangkan perniagaan tersebut selama ini telah dijalankan oleh para saudagar Cina. Peristiwa ini menimbulkan ketidakpuasan masyarakat Cina yang kemudiannya membawa kepada pemboikotan limau mandarin menjelang ketibaan Tahun Baru Cina ( Means 1991 : 134 ).

Dengan bantuan kerajaan ini terdapat sebilangan perbadanan awam yang berkembang menjadi syarikat konglomerat. Kewujudan konglomerat-konglomerat Melayu ini bukan sahaja memacu usaha pencapaian matlamat pemilikan 30% kekayaan negara malah ia juga melambangkan era permulaan penguasaan ekonomi oleh elit Melayu. Kekuasaan konglomerat ini dapat dilihat dalam contoh PNB. Pada

penghujung tahun 1990 PNB dilaporkan memiliki saham dalam 162 buah syarikat, di mana 107 daripadanya merupakan syarikat di Bursa Saham dan aset kumpulan itu bernilai RM 12 bilion. Jumlah aset ini menyumbang sebanyak 20.6% kepada sektor perbankan, 26.4% sektor pembinaan, 37.6% sektor perladangan, 9.4% sektor hartanah dan 5% sektor perlombongan ( Gomez 1996 : 137 ).

Sementara itu, untuk mempercepat proses penyusunan semula masyarakat kerajaan menggubal Akta Penyelarasan Industri ( API ) pada tahun 1975. Di bawah akta ini lesen perniagaan boleh ditarik balik oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sekiranya keperluan mengenai pemilikan dan guna tenaga bumiputera tidak dipenuhi. Ini bermakna pengusaha industri perlu mengambil 30% pekerja bumiputera dari peringkat buruh hingga peringkat pengurusan. Peraturan-peraturan yang ketat ini mengakibatkan bantahan oleh golongan peniaga bukan Melayu. Akhirnya kerajaan telah membuat pindaan terhadap akta tersebut. Pindaan-pindaan ini mengecualikan firma-firma yang bermodal kurang daripada RM 500,000 atau pekerjanya tidak melebihi 50 orang daripada penguatkuasaan akta itu ( Lim 1985 : 48 ). Dengan perkembangan ini maka kebanyakan industri kecil dan sederhana milik pengusaha Cina tidak lagi tertakluk kepada akta itu.

Dalam usaha meningkatkan penyertaan dan kejayaan orang Melayu dalam bidang perniagaan, masalah kekurangan modal dan peluang peniagaan perlu diatasi. Kerajaan menyedari hakikat ini dan menyusun strategi untuk memastikan kewujudan kemudahan pinjaman dan menggunakan kuasa pentadbiran dengan lebih meluas untuk membantu usahawan-usahawan Melayu ( Jesudason 1989 : 101 ). Dalam hal ini

kerajaan yang didominasi UMNO melihat sektor perbankan begitu kritikal bagi merealisasikan perjuangan ekonomi Melayu. Oleh itu kepimpinan UMNO mengorak langkah untuk memastikan para elit ekonomi Melayu menguasai bank-bank utama di Malaysia.

Sebelum pelaksanaan DEB sektor perbankan negara ini dikuasai oleh saudagar-saudagar Cina. Tahun 1967 menandakan tahap bermulanya penguasaan orang Melayu dalam sektor yang penting ini. Pada tahun tersebut Malayan Banking, bank yang dimiliki Khoo Teck Puat menghadapi masalah kewangan yang serius. Bank Negara terpaksa mengambil alih bank itu pada penghujung tahun. Milikan bank itu kemudiannya diserahkan kepada PNB. Sementara itu, United Malayan Banking Corporation Bhd. ( UMBC ) yang diasaskan oleh seorang saudagar Cina dan merupakan bank yang ketiga besar juga jatuh dalam kawalan Bank Negara pada tahun 1976. Hal ini berlaku kerana bank itu ditimpa masalah pengeluaran mendadak oleh para pendeposit. Walau bagaimanapun bank itu hanya dikuasai kepentingan Melayu pada tahun 1984.<sup>21</sup>

Manakala United Asian Bank Bhd. ( UAB ), satu-satunya bank yang dimiliki oleh orang India turut dikuasai oleh kepentingan Melayu dalam tahun 1970-an. Dalam pada itu D &C Bank yang ditubuhkan pada tahun 1965 oleh Henry H.S. Lee, Menteri

---

<sup>21</sup> Pada mulanya bank ini cuba dikuasai oleh Multi-Purpose Holding Berhad ( MPHB ), sebuah konglomerat MCA namun usaha tersebut telah dibantah keras oleh Pemuda UMNO. Kekangan-kekangan yang dihadapi oleh MPHB menyebabkannya mengambil keputusan untuk menjual equitinya kepada syarikat-syarikat yang dikuasai oleh Daim Zainuddin. Tokoh ini kemudiannya menjual kepentingannya dalam bank tersebut kepada Pernas untuk memperoleh keuntungan pada tahun 1986, lihat Gomez & Jomo ( 1997 : 56-59 ).

Kewangan yang pertama diarah membuat rombakan dalam pengurusan oleh Bank Negara pada tahun 1984. Alex Lee, anak kepada H.S. Lee yang merupakan pengarah bank itu terpaksa melepaskan jawatannya selepas dikatakan terbabit dalam penyalahgunaan modal bank tersebut ( Gomez & Jomo 1997 : 61 ). Akhirnya bank itu jatuh ke tangan Rashid Hussain, seorang ahli korporat Melayu yang semakin menempa nama dalam dunia perniagaan pada waktu itu.

Dengan proses penguasaan itu, dapat dirumuskan bahawa dalam tempoh dua dekad sahaja, 8 daripada 10 buah bank terkemuka di Malaysia telah dikuasai oleh elit ekonomi Melayu ( Ibid.: 62 ). Perkembangan ini juga memperlihatkan pemilikan equiti orang Melayu dalam sektor perbankan mencecah 75% pada pertengahan tahun 80-an ( Heng 1992 : 130 ; Lim 1988 : 46 ). Penguasaan yang penuh bermakna ini dan ditokok dengan dasar galakan kerajaan, maka pemberian pinjaman kepada orang Melayu oleh institusi kewangan telah meningkat secara drastik. Umpamanya pinjaman kepada komuniti Melayu hanya berjumlah 4% daripada jumlah keseluruhan pinjaman pada tahun 1968 tetapi angka ini melonjak kepada 20.6% dan 28% masing-masing pada tahun 1980 dan 1985 ( Jesudason 1989 : 101 ).

Selain kemudahan pinjaman modal, kerajaan turut menggunakan kuasa pentadbiran untuk mengurangkan persaingan yang dihadapi oleh usahawan-usahawan Melayu dalam dunia perniagaan. Keadaan ini sangat ketara dalam pemberian kontrak di Kementerian Kerja Raya. Umpamanya kementerian itu dilaporkan menguntukkan sekurang-kurangnya 30% daripada kontraknya kepada syarikat milik Melayu. Dalam tahun 1981, 51% daripada nilai kontrak yang berjumlah

RM 281 juta telah diberi oleh Jabatan Kerja Awam di kementerian itu kepada kontraktor-kontraktor Melayu ( Ibid: 102 ). Keadaan yang memberangsangkan ini menyumbang kepada pertambahan ketara dalam bilangan kontraktor kecil Melayu yang berdaftar dengan kementerian tersebut. Bilangan ini meningkat daripada 1911 orang pada tahun 1970 kepada 7834 orang pada tahun 1980 ( Ibid. ). Amalan pemberian kontrak yang sedemikian juga dipraktikkan di beberapa kementerian yang lain.

Langkah-langkah kerajaan yang tegas di atas berjaya menyumbang kepada peningkatan dalam pemilikan saham oleh kaum bumiputera. Misalnya pemilikan saham oleh bumiputera hanya berjumlah 1.5% pada tahun 1969 tetapi jumlah itu bertambah kepada 20.6 pada tahun 1995. Jadual berikut memperincikan pemilikan saham oleh setiap etnik :

**Jadual 3.3 Pemilikan Modal Saham Syarikat Berhad Mengikut Etnik dan Tahun, 1969-1999 ( Peratusan )**

Etnik	1969	1970	1975	1980	1985	1990	1995	1999
Bumiputera dan Agensi amanah	1.5	2.4	9.2	12.5	19.1	19.2	20.6	19.1
Cina	22.8	27.2	t.m	t.m	33.4	45.5	40.9	37.9
India	0.9	1.1	t.m	t.m	1.2	1.0	1.5	1.5
Syarikat Nominis	2.1	6.0	t.m	t.m	1.3	8.5	8.3	7.9
Syarikat Kawalan Tempatan	10.1	-	-	-	7.2	0.3	1.0	0.9
Orang Asing	62.1	63.4	53.3	42.9	26.0	25.4	27.7	32.7

t.m = Tiada maklumat

Sumber : Gomez ( 1999a : 2 ) ; Malaysia ( 2001a : 64 )

Proses penyusunan semula masyarakat bukan sahaja tertumpu pada bidang ekonomi semata-mata malah ia juga meliputi bidang yang lebih luas. Peruntukan-peruntukan dalam Pindaan Perlembagaan tahun 1971 memberi kuasa kepada kerajaan untuk memberi prioriti kepada orang Melayu dalam hal pendidikan, perniagaan, dan perkhidmatan awam ( Jesudason 1989 : 77 ). Dalam mencapai objektif penyusunan semula ini kerajaan menggunakan kuasa ini sepenuhnya dengan menetapkan kuota yang perlu diisi oleh kaum Melayu dalam setiap bidang di atas. Pendidikan dilihat sebagai bidang yang sangat penting untuk merealisasikan matlamat penyusunan itu. Pelaksanaan DEB yang berteraskan penrealisasian hak istimewa Melayu telah berjaya menangani masalah kemunduran orang Melayu dalam pendidikan ( Means 1972 ). Kerajaan yang dikuasai UMNO memberi prioriti kepada bidang pendidikan kerana peluang pendidikan yang banyak mampu menjana kemunculan satu kelas menengah Melayu yang dapat mengatasi masalah ketidakseimbangan dalam masyarakat. Malah langkah ini turut melahirkan golongan Melayu yang diharapkan dapat menghayati dan menyokong perjuangan kepimpinan UMNO.

Melalui pendidikan dan latihan yang direncanakan dalam DEB, kerajaan berusaha menyediakan golongan bumiputera untuk menyertai kegiatan ekonomi dan pekerjaan yang membawa pendapatan secara kekal dan kejayaan kepada mereka ( Mahathir 1999 : 13 ). Untuk tujuan itu, berbagai-bagai sekolah, termasuk sekolah menengah dan sekolah berasrama yang baik didirikan dan dilengkapi dengan guru-guru yang berkelayakan. Dalam pada itu MARA yang ditubuhkan untuk membela nasib orang Melayu pula merintis jalan dengan membina Sekolah Menengah Rendah Sains Mara untuk menampung pelajar-pelajar bumiputera yang cerdas.

Manakala pendidikan di institusi-institusi pengajian tinggi dilihat sebagai wadah terpenting untuk pemupukan kelas menengah Melayu. Oleh itu kerajaan mengambil pelbagai langkah untuk menambah bilangan mahasiswa bumiputera di universiti-universiti tempatan. Dalam usaha ini kerajaan menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia yang tujuan asal penubuhannya ialah menerima pelajar bumiputera.<sup>22</sup> Pada zaman sebelum tahun 1969, pelajar-pelajar bukan Melayu mendominasi universiti-universiti tempatan. Namun dengan implementasi dasar pengambilan yang memberi keutamaan kepada pelajar bumiputera, keadaan sebaliknya telah berlaku mulai tahun 1975 ( Means 1986 : 107 ).

Dalam pada itu kerajaan turut mengambil langkah untuk memastikan pelajar bumiputera dapat memasuki jurusan profesional. Usaha ini ditekankan supaya profesional-profesional Melayu yang dilatih itu mampu mengimbangi kesenjangan yang sedia wujud. Untuk memperkasakan usaha peningkataan pelajar bumiputera, kerajaan memberi biasiswa kepada kebanyakan pelajar bumiputera yang berjaya memasuki universiti. Selain itu kerajaan menghantar sejumlah pelajar bumiputera yang cemerlang setiap tahun untuk mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama di luar negara. Pemberian biasiswa kepada siswazah-siswazah Melayu untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana dan doktor falsafah di luar negera juga diberi perhatian khusus. Langkah ini diambil untuk memastikan golongan Melayu ini dapat mengisi jawatan tenaga pengajar di universiti tempatan dan pelbagai jawatan tinggi di jabatan kerajaan.

---

<sup>22</sup> Namun akibat daripada tekanan parti-parti bukan Melayu dalam Barisan Nasional, kemasukan pelajar bukan Melayu ke UKM ditingkatkan sebanyak 2% setiap tahun hingga mencapai kuota pelajar bukan Melayu yang berjumlah 40%, lihat Means (1986 : 107).

Penekanan pendidikan sebagai wahana untuk menyusun semula masyarakat berjaya membawa hasil yang diimpikan. Umpamanya peratusan profesional dan juruteknik bumiputera telah mencapai 63.9% pada tahun 2000. Golongan guru dan jururawat bumiputera pula menyumbang sebanyak 73.2%. Manakala pekerja pertanian bumiputera mencatatkan 61.2%. Oleh itu taburan pekerjaan ini dikatakan dapat mewakili komposisi penduduk di negara ini dan fenomena pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dapat ditangani. Jadual berikut memberi satu gambaran yang lebih terperinci :

**Jadual 3.4 Pekerjaan Mengikut Kumpulan Etnik, 2000 ( Peratusan )**

Pekerjaan	Bumiputera	Cina	India	lain-lain
Profesional & teknikal	63.9	25.8	7.6	2.7
Guru & jururawat	73.2	18.4	6.9	1.5
Pentadbiran & Pengurusan	37.0	52.3	5.5	5.2
Pekerja pekeranian	56.8	32.9	8.6	1.7
Jurujual	37.3	49.8	6.8	6.1
Pekerja perkhidmatan	57.7	21.8	8.5	12.0
Pekerja pertanian	61.2	10.3	6.9	21.6
Pekerja pengeluaran	44.7	33.8	10.0	11.5

Sumber : Malaysia ( 2001a : 67 )

### **3.6 Manifestasi Kehegemonian Budaya Melayu**

Perjuangan orang Melayu untuk menegakkan kebudayaan dan bahasa Melayu berpunca daripada kehadiran golongan imigran. Kehadiran golongan ini, terutamanya orang Cina yang memiliki kuasa ekonomi dan bilangan yang banyak dipersepsi oleh orang Melayu sebagai satu ancaman kepada kelangsungan hidup bangsa mereka.

Penubuhan UMNO pada tahun 1946 bukan sahaja memacu kuasa politik Melayu malah juga mampu menggembrelleng usaha mengangkat budaya dan bahasa Melayu. Cogan kata UMNO “Hidup Melayu” berjaya menjadi daya penarik dan pengikat kepada orang Melayu. Di samping menekankan hidup matinya bangsa Melayu, cogan kata tersebut juga membuat tuntutan terhadap pengekalan bahasa dan kebudayaan Melayu ( Haris 1990 : 67 ).

Perjuangan menegakkan bahasa Melayu mencapai kejayaan yang penuh bermakna dengan termaktubnya Perlembagaan Kemerdekaan 1957 yang mengangkat bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan seiring dengan bahasa Inggeris. Usaha ini mencapai kesempurnaan apabila Akta Bahasa Kebangsaan 1967 diluluskan di parlimen dan dengan demikian hanya mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tunggal. Seiring dengan perjuangan tersebut, orang Melayu juga bertindak memperjuangkan kebudayaan Melayu sebagai kebudayaan kebangsaan. Perjuangan ini dirasakan oleh mereka sebagai perlu dan juga bertujuan untuk memelihara identiti kebangsaan agar penyelesaian bagi masalah kemajmukan masyarakat di negara ini dapat dibuat menerusi pendidikan kebangsaan yang disalurkan oleh bahasa, kesusastraan, dan kebudayaan Melayu ( Ahmat Adam 1994 : 82 ).

Penganjuran Kongres Kebudayaan Melayu I yang berlangsung di Melaka dari 30 Disember 1957 hingga 2 Januari 1958 menandakan uasaha terawal ke arah itu. Kongres tersebut telah meluluskan resolusi menuntut kerajaan supaya mengakui dan meniadikan kebudayaan Melayu teras kebudayaan kebangsaan ( Ibid. ; Abdul Latiff

1987 : 85 ). Resolusi kongres itu ternyata mendapat respons yang memberangsangkan daripada kerajaan. Ini dapat dilihat dalam pengumuman Tunku Abdul Rahman di Dewan Rakyat pada pertengahan bulan september 1960 bahawa kerajaan Persekutuan Tanah Melayu menyetujui dan menerima kebudayaan Melayu menjadi teras kebudayaan kebangsaan negara ini ( Ahmat Adam 1994 : 83 ). Ekoran daripada sokongan kerajaan itu, maka Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan ditubuhkan pada 16 Mei 1964. Antara objektif penubuhannya ialah “membentuk dan memelihara satu kebudayaan kebangsaan yang berteraskan kebudayaan tulen rakyat asal rantau ini” ( Aziz Deraman 1987 : 171 ).

Langkah pertama yang diambil untuk menghidup kembali gagasan kebudayaan kebangsaan selepas Peristiwa 13 Mei ialah penganjuran Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang berlangsung di Universiti Malaya pada 16-20 Ogos 1971. Dasar Kebudayaan Kebangsaan ( DKK ) yang dipersetujui dalam kongres tersebut ialah tiga prinsip utama :

1. Kebudayaan kebangsaan Malaysia haruslah berasaskan kebudayaan asli rakyat rantau ini.
2. Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan.
3. Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

Seterusnya prinsip kedua itu diperjelas :

*Sesuai dan wajar* yang disebut dalam konsep kedua itu haruslah dierangkan di dalam konteks konsep pertama dan ketiga itu, tidak dari nilai-nilai yang lain.

( *Asas Kebudayaan Kebangsaan 1973* : vii )

Penggubalan DKK mempunyai matlamat pengukuhan dan pencapaian perpaduan bangsa, keperibadian kebangsaan, dan kualiti kehidupan. Namun dasar ini mendapat kritikan daripada golongan bukan Melayu. Dengan prinsip yang kedua itu elit-elit politik dan budayawan Melayu dikatakan memiliki kuasa mentakrif yang penuh terhadap budaya etnik-etnik lain yang boleh dikategorikan sebagai kebudayaan kebangsaan. DKK juga dituduh bersifat etnosentris Melayu dan pelaksanaannya akan membawa kepada asimilasi paksaan ( Kua 1985 : 3 ). Penggubalan DKK merupakan respons orang Melayu terhadap gugatan yang diajukan oleh golongan bukan Melayu dalam tahun 1969. Pelaksanaannya dilihat mampu menyempurnakan hegemoni budaya Melayu yang masih belum tercapai pada tahun 1969. Huraian yang diberi oleh seorang pengkaji begitu tepat memerikan kehegemonian dalam aspek ini :

DKK ialah manifestasi kebangkitan nasionalisme kebudayaan orang Melayu. Perkembangan politik selepas Peristiwa 13 Mei 1969 membuka ruang hegemoni kepada nasionalisme itu mewujukkan hubungan simbiotik dengan negara. Hegemoni ini membolehkan cita-cita nasionalisme berkenaan diterjemah melalui berbagai-bagai alat negara. Melalui hegemoni ini, menyebabkan doktrin *nativisme* yang melihat penyelesaian masalah pembinaan negara-bangsa dari sudut pembentukan *monoculture state*.

( Abdul Ghapa 1995 : 7 )

Seiring dengan perkembangan nasionalisme politik dan ekonomi, nasionalisme kebudayaan Melayu turut memuncak dalam tahap masa itu. Dengan tunjangan nasionalisme ini, elit politik dan budayawan Melayu ingin melihat pembinaan negara-bangsa berlandaskan satu kebudayaan dan satu bahasa. Dengan yang demikian,

kerajaan yang dikuasai oleh UMNO kelihatan menerapkan polisi asimilasi<sup>23</sup> untuk menangani masalah kemajmukan etnik dan budaya di Malaysia. Polisi ini dilaksanakan untuk memastikan kehegemonian budaya Melayu tercapai. Dalam keadaan ini maka kerajaan bukan sahaja tidak menyokong perkembangan budaya kaum bukan Melayu malah bertindak mengekang perkembangannya, umpamanya budaya orang Cina ( Hou 1998 : 54 ).

Dalam usaha menegakkan kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan kebangsaan, budaya etnik-etnik lain telah disaring bersandarkan prinsip kedua DKK. Usaha ini dijalankan dengan tegas oleh jentera pentadbiran kerajaan yang dikuasai oleh elit dan birokrat Melayu. Oleh itu pelaksanaan prinsip-prinsip DKK membawa impak yang mendalam terhadap amalan budaya kaum-kaum bukan Melayu.<sup>24</sup> Pada tahun 1981 Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan menyeru agensi-agensi dan persatuan-persatuan di negara ini supaya memberi maklum balas tentang pelaksanaan DKK setelah 10 tahun dasar tersebut diperkenalkan. Seruan tersebut telah mendapat respons yang memberangsangkan dari berbagai-bagai pihak. Dalam keadaan ini maka satu polemik<sup>25</sup> hangat tentang kebudayaan kebangsaan berlaku di akhbar *The Star*. Kaum Cina dan India masing-masing mengambil kesempatan ini untuk menghantar

<sup>23</sup> Pemimpin-pemimpin Melayu mengelak daripada menggunakan sitilah ini secara terbuka. Mereka lebih cenderung menggunakan ungkapan "satu kebudayaan dan satu bahasa". Umpamanya semasa merasmikan Pertemuan Dunia Melayu 82 di Melaka, Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad mengatakan "... perpaduan dan keutuhan itu akan kita bina dan pupuk melalui satu bahasa, iaitu bahasa kebangsaan ; satu kebudayaan, iaitu kebudayaan kebangsaan" , lihat *Pertemuan Dunia Melayu 82* (1987 : ix). Walau bagaimanapun dalam satu wawancara dengan ketua pengarang *Utusan Melayu* pada tahun 1996, Dr Mahathir menyebut "Zaman berubah. Kalau dahulu tumpuan kita ialah kepada asimilasi. Di mana-mana negara juga tidak ada lagi usaha untuk asimilasi . . ." , lihat *Utusan Malaysia*, 7 Ogos 1996.

<sup>24</sup> Impak terhadap budaya Cina akan dihurst dengan lebih terperinci dalam Bab IV.

memorandum kepada kementerian tersebut pada tahun 1983 dan 1984. Namun kebebasan yang wujud dalam pembahasan isu kebudayaan kebangsaan hanya untuk suatu tempoh yang singkat sahaja. Malah sesetengah orang yang mempertikaikan DKK telah ditahan di bawah akta ISA dalam Operasi Lalang pada tahun 1987 ( Kua 1990b : 2 ). Ini menunjukkan kerajaan masih tidak sanggup membenarkan pertikaian terhadap DKK. Maka dapat disimpulkan bahawa kehegemonian budaya Melayu terus mantap dan mendapat pembelaan.

### **3.7 Rumusan**

Peletusan Peristiwa 13 Mei telah mengubah senario politik Malaysia. Dengan kelahiran struktur baru dalam pemerintahan negara, cita-cita perjuangan Melayu mendapat pembelaan yang total oleh kerajaan yang dikuasai UMNO. Kekuasaan politik yang dimiliki elit Melayu membolehkan penggubalan dasar-dasar negara untuk memenuhi agenda perjuangan Melayu. Keadaan ini menyumbang kepada proses penghegemonian Melayu dalam bidang politik, ekonomi, dan kebudayaan. Pencetus dan pemangkin kepada proses ini ialah perkembangan nasionalisme Melayu yang memuncak selepas rusuhan kaum itu. Kehegemonian Melayu yang berlaku itu bertujuan meletakkan bangsa Melayu di satu kedudukan yang tidak mampu dicabar oleh kaum-kaum lain lagi. Kehegemonian ini telah membawa kepada penghakisan kepentingan kaum-kaum lain, terutamanya kaum Cina. Penghakisan ini dapat dilihat dalam setiap aspek kehidupan masyarakat Cina dan ini telah menimbulkan dilema yang mencengkam komuniti itu. Masalah ini menjadi kupasan bab seterusnya.

---

<sup>25</sup> Maklumat lanjut tentang perdebatan ini boleh didapti dalam Kua ( 1990b ).